



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**Mengenai:**

#### ***Education Malaysia Global Services***

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):-
  - Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Ketua Setiausaha
  
- Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Global (EMGS):-
  - Tuan Shahinuddin bin Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 4 SEPTEMBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]  
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II (Jurubahasa dan Terjemahan) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Zulkipli bin Abdullah [Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Audit Tadbir Urus)]  
Encik Md Adnan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah I (Sektor Audit Tadbir Urus)]  
Puan Ropiah binti Yunos [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Tadbir Urus)]  
Puan Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah Audit (Susulan Audit II)]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan)]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan)]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]  
Puan Fatin binti Mohd Nor [Peguam Persekutuan (Unit Penswastaaan dan Pengurusan Kontrak)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Salwa binti Muharam [Timbalan Pengarah (Sektor Swasta) (Pemeriksaan dan Perundingan)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

YBrs. Dr. Maziah Che Yusoff [Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Pendidikan Malaysia**

YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]  
Tuan Haji Kamaruzaman Mahmood [Setiausaha Bahagian Kewangan]  
Cik Normah binti Osman [Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar]  
Puan Nor Azian binti Nordin [Setiausaha Bahagian Unit Audit Dalam]  
Puan Norrizan binti Tahir [Timbalan Setiausaha Bahagian Unit Audit Dalam]  
Puan Suhaila binti Yussuf [Ketua Juruaudit Bahagian Unit Audit Dalam]  
Encik Khairil Anuar bin Shariff [KERSANI (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)]  
Encik Noriqram bin Mohd Nor [Pegawai Khas Pejabat Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)]  
Encik Megat Azlani bin Megat Ramli [Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan]

**Jabatan Pendidikan Tinggi**

YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir [Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi]  
YBhg. Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal bin Mohd Amin [Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Penyelidikan dan Antarabangsa)]  
YBhg. Prof. Dr. Rahmah binti Ahmad H. Osman [Pengarah Bahagian Education Malaysia]  
Puan Normah binti Haji Abdullah [Ketua Penolong Pengarah, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi]  
Encik Nafizal Haris bin Ismail [Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Governan IPTA]

*samb/*

**SAKSI-SAKSI** (*samb/-*)

***Education Malaysia Global Services***

Encik Shahinuddin bin Shariff [Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services]

Encik Muhammad Afif bin Ahmad Sabri [Penolong Pengurus Kewangan dan Akaun]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Rabu, 4 September 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** Okey, sementara itu kita mulalah. Sementara tunggu yang lain disebabkan ini lebih kepada *pre-council*. *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat pagi, salam sejahtera. Selamat datang kepada semua ahli-ahli PAC Parlimen terutamanya kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi dan Ahli-ahli Parlimen yang lain. Selamat datang juga kepada ex-officio PAC Parlimen yang terdiri daripada MOF. Kita juga ada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, JPA dan kita juga ada daripada Jabatan Peguam Negara yang satu minit lagi akan sampai. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih semualah di atas kehadiran pada pagi ini.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat semua sekalian, hari ini kita ada dua mesyuarat prosiding yang berdasarkan tajuk yang telah dipilih dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019. Jadinya pagi ini, kita akan mulakan dengan prosiding berhubung dengan *Education Malaysia Global Services* di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kemudian, pada jam 2.30 petang pula, kita akan adakan prosiding berhubung pengurusan subsidi gas petroleum cecair di bawah Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Sedikit penerangan ringkas sebelum saya serahkan kepada Yang Berbahagia Datuk Zulkipli, *Education Malaysia Global Services* ataupun secara ringkasnya dikenali sebagai EMGS diperbadankan sebagai sebuah syarikat terhad menurut jaminan pada 13 April 2012 di bawah Akta Syarikat 1965 dan dikawal selia oleh KPM. Jadinya, objektif syarikat ini adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan global dan menjalinkan rangkaian yang mendatangkan faedah kepada sosioekonomi negara. Ia juga berperanan sebagai pusat serenti yang menguruskan permohonan visa untuk pelajar antarabangsa.

Syarikat ini menerima geran mengurus bagi tempoh tahun 2012 dan tahun 2013 yang merangkumi sejumlah RM20.2 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi ketika itu dan

sejumlah lagi sebagai tambahan RM10 juta daripada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

Empat aktiviti utama EMGS adalah:

- (i) melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran;
- (ii) pengurusan dan pemprosesan permohonan visa, kad dan i-Kad;
- (iii) pengurusan kebajikan pelajar; dan
- (iv) khidmat nasihat dan bimbingan.

Jadinya, nanti yang akan ada di hadapan kita selepas ini adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas selaku Ketua Setiausaha KPM. Juga hadir adalah Yang Berbahagia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi dan yang ketiga adalah Encik Shahinuddin bin Shariff selaku CEO EMGS. Jadi, sebelum kita panggil saksi-saksi kita masuk, jadi eloklah jawatankuasa ini mendapat penerangan ringkas daripada Jabatan Audit Negara berhubung isu yang kita bangkitkan ataupun isu EMGS yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1 serta status terkini dalam paparan Ketua Audit Negara ataupun *AG's Dashboard*. Jadinya, saya mempersilakan Yang Berbahagia Datuk Zulkipli bin Abdullah, Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Audit Tadbir Urus) untuk memberikan penerangan ringkas. Terima kasih. Dipersilakan Datuk.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah [Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Audit Tadbir Urus) Jabatan Audit Negara]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Naib Pengerusi dan semua ahli PAC. Jadi syukur *alhamdulillah* kita pada hari ini telah pun apa ini, hari kedua-kan daripada semalam? *[Ketawa]*

Okey, sebenarnya EMGS ini telah pun di latar belakangkan oleh Tuan Pengerusi sendiri tadi. Kemas dan ada tujuan tertentu, objektif penubuhannya yang sebenarnya adalah untuk mempromosikan dan cuba untuk menarik *student* luar negara untuk datang ke Malaysia. Ia juga mempunyai aktiviti utama selain itu ialah pengurusan dan pemprosesan permohonan pas, visa dan kad pelajar. Ini adalah punca hasilnya. Punca hasil yang besar. Pengurusan kebajikan pelajar setelah pelajar berada di sini. Mereka perlu diawasilah. Khidmat nasihat serta bimbingan yang sepatutnya dilaksanakan oleh EMGS.

Okey. Ada lebih kurang –bukan lebih kuranglah. Ada lapan isu yang kita telah bangkitkan dan keseluruhan isu ini berkait dengan tadbir urus korporat EMGS. Jadi, kelihatan bahawa daripada tadbir urus ini kita tidak ada buktilah. Cuma kita dapati bahawa daripada kesan ini risikonya agak tinggi. Risikonya agak tinggi kerana prosesnya ialah pendaftaran dibuat untuk pelajar masuk dan pengurusan visa telah pun diurus oleh EMGS dengan bantuan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Akan tetapi, dua lagi fungsi iaitu pengurusan kebajikan pelajar dan juga

khidmat nasihat atau lebih saya rasa ialah pengawalan *student* setelah belajar agak lemahlah. Agak lemah. Ia berisiko tinggi khususnya apabila pelajar ini, apabila masuk, syaratnya ialah dia mesti ada *progress* sama ada lulus. Kalau lulus, okey dan meneruskan pengajian.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Rekodlah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Rekod dia. Akan tetapi, kalau tidak lulus, mereka perlu pulang ke negara asal. Akan tetapi, ada beberapa konsep yang berlaku di sini iaitu mungkin kalau sesiapa yang pernah pergi spa misalnya, sesiapa yang pernah pergi ke hotel-hotel. Apabila kita pergi, kita dapati, ianya tulis *trainee*. Akan tetapi, apabila kita tanya, mereka adalah daripada Surabaya misalnya, berada di hotel-hotel.

Dalam kontrak belajar, jadi praktikal kononnya. Sebenarnya, mereka ini pekerja bukannya belajar. Akan tetapi, masuk itu berada di hotel. Begitu juga di spa-spalah. Mungkin praktikal juga untuk urut. Itu beberapa perkara. Akan tetapi, ada lagi yang melibatkan kita tidak sampai ke situlah untuk semakan. Sepatutnya dibuat oleh JIM yang menentukannya. Okey.

#### ■1010

Itu risikonya agak tinggi. Maknanya, *student* yang masuk memang ada dakwaan pun sehingga Malaysia ini dikenali sebagai negara yang mungkin terlibat juga dalam *human trafficking*. Jadi, prosesnya begitu iaitu masuk sebagai *student* tetapi mungkin keluar ke negara lain pun kita tidak tahu, kita tidak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, saya hendak tanya. Maknanya, bila dia masuk, dia rekodkan dalam sistem STAR itu?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Bila dia keluar, dia tidak rekodkan dalam itu?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Dia sebenarnya ada rekod tetapi yang berada di sini itu dia tidak pantau.

**Tuan Pengerusi:** Oh, dia tidak pantau lah mereka buat apa.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Dia tidak pantau langsung dan ada yang...  
*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Bukan patutnya dia *student*, dia dapat visa dekat *certain* universiti, dia kena belajar di universiti itu?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Yes, itu sepatutnya tetapi ada— maklumat itu langsung tidak ada dalam data itu. Jadi, kita tidak boleh hendak *trace* lah. *[Ketawa]* Itu...

**Tuan Pengerusi:** Dalam yang ini, berlaku *student* antarabangsa pergi dekat universiti ini mereka tidak ada, habis STAR itu buat apa?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Dia kalau— Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sistem STAR itu, jadinya apa peranan STAR itu?

**Encik Md Adnan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah I (Sektor Audit Tadbir Urus) Jabatan Audit Negara]:** Berdasarkan semakan, EMGS ini ia tidak mempunyai data bilangan pelajar yang telah tamat pengajian. Walaupun ia mempunyai sistem STAR yang boleh menyelenggarakan dan mengenai keberadaan pelajar dalam Malaysia. Ia tidak ada data itu walaupun sistem itu ada tentang berkenaan dengan itu lah. Jadi, kita nampak dari segi *progress*—pelajar datang dengan pelajar keluar tidak *tally*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tidak, dia— rekod penempatan pelajar di mana-mana institusi itu ada?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Ada, bilangan masuk ada.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ada, memang semua ada.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Akan tetapi apabila dia sudah tamat...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Semasa dia keluar itu tidak ada?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Tidak ada.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Bukankah visa ini dua atau tiga tahun sahaja? Bukan?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya lah, dua atau tiga tahun tetapi kalau datang itu bukan untuk belajar. *Just register* tetapi kerja.

**Tuan Wong Chen:** Ya lah, lepas tiga tahun dia kena balik lah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Dia kena pulang lah.

**Tuan Wong Chen:** Dia kena pulang lah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *By right*. Akan tetapi oleh sebab tidak ada data...

[*Disampuk*]

**Tuan Wong Chen:** Dia *overstay*.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya, kita tidak tahulah.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Kemungkinanlah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Kemungkinan. Jadi, kita tidak ada bukti di situ. Di situ tidak ada lah buktinya. Okey, cuma...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, EMGS ini ia tidak tahu juga di mana pelajar-pelajar ini berada lah? Atau ia tahu, cuma *on record*... [*Disampuk*]

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Rekod pertama seolah-olah ia tahu.

**Tuan Pengerusi:** Ia tahu.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ia tahu. Akan tetapi oleh sebab tidak ada *in between* itu...

[*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi:** Berapa yang tidak lulus dan berapa yang lulus, ia tidak tahu?



**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ia tidak tahu. Itu keadaannya.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Perkara yang sepatutnya Tuan Pengerusi, kalau ikutkan ia ada satu pekeliling berkenaan Pekeliling Imigresen Bil.11/2016 yang mewajibkan institut pengajian tinggi memohon memo periksa keluar atau *check-out memo*. Itu sepatutnya ada lah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Okey, isunya ialah isu tadbir urus iaitu wakil JIM ini sudah tidak ada dalam *board of director*. Dua– saya pergi satu per satu lah isunya ya. *[Ketawa]* Itu mukadimah tadi. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen:** Datuk, Datuk, nanti. Sebelum itu, saya hendak tahu pada permulaannya dia dapat duit daripada kerajaan, betul tidak?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** RM20 juta.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** RM20 juta.

**Tuan Wong Chen:** Lepas itu, dia caj... *[Disampuk]*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Dia akan caj melalui servis nya itu.

**Tuan Wong Chen:** Servis dia.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Servis itu... *[Disampuk]*

**Tuan Wong Chen:** Maknanya, kerajaan tidak bagi duit lah lepas itu?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *So far*, tidak ada.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Kalau ikutkan, ia pada awalnya ia dapat geran daripada kerajaan lah untuk ia buat promosi tetapi memandangkan yang saya mendapat tahu pada awalnya ia dilaksanakan oleh pihak universiti tetapi diambil-alih oleh EMGS lah. Jadi, daripada situ, sistem pemprosesan untuk kemasukan ini ia terbahagi kepada dua lah, satu syarikat STARCOM yang dapat 65 persen – 35 persen untuk tempoh satu hingga 10 tahun. Manakala 11 tahun hingga 15 tahun adalah EMGS akan beroleh sebagai 45 persen daripada *fees* yuran pemprosesan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** EMGS ini...

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** EMGS ini ada kontrak dengan syarikat SCICOM ini selama 15 tahun. Ia syarikat SCICOM. Syarikat SCICOM Sdn. Bhd. So, jadi ia dapatkan *direct* daripada– so, ia tidak perlulah sebab ia sudah sejak pemprosesan...

**Tuan Pengerusi:** Sekarang dialah yang teruskan lalu EMGS ini yang... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Pendapatan daripada situ lah utamanya.

**Tuan Pengerusi:** Macam mana pula— ini kerana saya tengok ada dua sumber, satu daripada KPM 20... [Disampuk]

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** PEMANDU.

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi PEMANDU.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** PEMANDU, yang itu peringkat awal.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Peringkat awal.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Itu peringkat awal. Statusnya... [Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Untuk promosi lah tujuannya

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Yes, yes.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Satu, yang untuk KPM itu ia *more* kepada penubuhan awal, *injection* lah, *injection*.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *Launching grant*.

**Tuan Pengerusi:** Macam *seed fund* lah.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** *Seed fund and then*, untuk PEMANDU, untuk promosi dan juga pemasaran lah. So, dua *fund*.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, macam ini ya. *Can you describe*, katakan pelajar daripada Indonesia, dia hendak ke Malaysia, dia hendak belajar di— katakan *Twin Tech* kah atau apa lah, dia kena bayar berapa? Duit itu kata kalau yuran dia ataupun *prosessing fee* RM1,000, dari RM1,000 itu berapa yang EMGS dapat dan berapa yang SCICOM dapat?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Okey, kalau berdasarkan RM1,000 *for example* yang— kalau mengikut perjanjian 15 tahun itu, untuk tahun pertama hingga tahun yang ke sepuluh, EMGS akan mendapat 35 persen.

**Tuan Wong Chen:** 35 persen?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** 35 persen *and then*, syarikat tersebut mendapat 65 persen.

**Tuan Pengerusi:** SCICOM yang dapat banyak itu?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Ya, dia ini lah. *Then*, untuk tahun yang kesebelas hingga kelima belas, EMGS akan dapat 45 persen SCICOM akan dapat 55 persen berdasarkan perjanjian.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, setahun ia dapat berapa ini? *How much are we talking about? RM10 million or RM20 million a year, RM30 million a year? Registration only.*

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** *Registration*.

**Tuan Wong Chen:** Kerja *paperwork* I boleh dapat juta-juta.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** So, kalau sebagai contoh pendapatan utama ia pada tahun 2017, ia dapat RM56.63 juta lah *roughly* lah.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, SCICOM ini subkontraktor lah, *basically* lah?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *Joint venture*.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Dia macam dilantik oleh EMGS untuk...

[Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Scicom Sdn. Bhd. kah? Ia mula dapat lantikan ini bila?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Pada tahun 2012.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2012.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Masa awal permulaan ini lah.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, ia untung RM30 juta setahun? Buat *paperwork* yang tidak *complete*. [Ketawa] *Now, that is a— that one we have to send to MACC* lah.

**Tuan Pengerusi:** Tahun yang kesebelas baru ia tukar *structure* itu. Wah, dahsyat ya.

**Tuan Wong Chen:** Dahsyat.

**Tuan Pengerusi:** Ia macam jual orang juga ya. *The more student come in, the more percentage they will get*. Betul tidak?

**Tuan Wong Chen:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Masuk. Semua *recorded*. Okey.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Okey, saya teruskan ya. Isu yang sebenarnya berisiko tinggi itu ialah yang pertama, piagam. Piagam memang tidak ada langsung.

**Tuan Pengerusi:** Sampai sekarang?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Sampai sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Walaupun Audit ada tegur kan mengenai perkara ini?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya, janjinya ialah Ogos, *now* sudah September, belum ada lagi. Jadi, dalam AGD-nya masih kuninglah, status kuning. Lepas itu, ini juga agak serius iaitu tiada wakil kerajaan. Ia wajib ada wakil kerajaan. Jadi, bila wakil kerajaan ini ialah daripada KPM dan juga Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pun tidak ada, sedangkan perkara ini melibatkan pendaftaran visa. Jadi, wakil yang sepatut ada, tidak ada. Itu... [Disampuk]

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Sejak bila ia tiada? Maksudnya, sejak awal penubuhan ataupun...

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Kalau ambil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, ia telah tamat tempoh pada 15 Disember 2018 lah. Masa sekarang ini masih

dalam proses untuk pelantikan baharu lah kalau berdasarkan ini *and then*, untuk yang JIM itu disebabkan sepatutnya ia bersara pada 31 Julai 2019 tetapi disebabkan oleh *retirement*, so dia *retire* awal lah.

**Tuan Pengerusi:** Bila dia *retired*?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Pada 31 Disember 2018 juga.

**Tuan Pengerusi:** Oh, maknanya *this year* lah yang tidak ada lah.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Ya, *this year* masih dalam proses.

**Tuan Pengerusi:** Ada *replacement* kah ataupun– akan tetapi mereka tidak buat mesyuarat ahli lembaga kan? Mereka tidak buat juga mesyuarat ahli lembaga. Tahun ini ada atau tidak? Tahun ini.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Ini pun sama.

**Tuan Pengerusi:** Tahun lepas ada atau tidak? Tahun ini ada atau tidak?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Kalau ikut AGD kita masih kuning, belum lagi diambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Oh, belum lagi bermesyuarat. Okey, tidak apa nanti kita pun boleh tanya lah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya, okey boleh tanya lah ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Datuk, ia punya perjawatan ya, kalau ikut sini 64 orang.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu perjawatan EMGS sahaja kah, dicampurkan dengan SCICOM?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Itu EMGS sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** EMGS sahaja.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** EMGS sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Walaupun ia sudah *assigned* kepada *other company*.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Yes. Okey. So, dari segi– Yang Berhormat, dari segi SOP pula, sampai sekarang juga dia ada tetapi tidak lengkaplah. Akan tetapi SOP ini sebenarnya kita hendak lihat macam mana pelaksanaannya dan di mana kelemahannya. Pelan strategik yang sepatutnya kita menilai di bawah pelan strategik ini sepatutnya ada KPI nya, segala apa yang sepatut mereka capai juga tidak disediakan.

#### ■1020

Manakala dari segi akauntabiliti iaitu perwujudan audit dalam, sepatutnya memang perlu audit dalam supaya ada unsur-unsur *check and balance* dan semakan kepada *internal control* pun tidak dibuat. Sedikit isu yang berkaitan ini mereka telah bersetuju dengan isu yang kita

bangkitkan iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Interim yang dilantik dalam tempoh perkhidmatan CEO sedia ada. Dia sudah ada CEO yang melibatkan bayaran tertentu, tetapi semakan yang kita sudah buat...

**Tuan Pengerusi:** Sudah selesai agaknya?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Sudah selesai.

**Tuan Pengerusi:** Ini sudah selesai sudah ya?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Sudah selesai.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Jawatankuasa audit pun, pegawai yang ada itu tidak berlatarbelakangkan pengauditan. Maknanya, kurang ilmu.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Datuk, boleh jelaskan nombor lima, poin nombor dua, Pengurus Kanan?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Pengurus Kanan secara kontrak ditempatkan secara pentadbiran dalam tempoh di mana CEO Interim masih ada di situ. So, ada dua gaji untuk tujuan itu.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ini bukan CEO?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** CEO.

**Tuan Wong Kah Woh:** Pengurus Kanan secara kontrak ditempatkan – Okey.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Ada isu lain. Ini isu *different angle*.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, okey.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Tuan, yang ini dia...

**Tuan Wong Kah Woh:** CEO Interim saya boleh faham, RM36,000. Akan tetapi poin yang kedua itu, saya tidak dapat faham. Orang yang sama atau orang berlainan?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Orang yang berlainan.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Orang yang berlainan.

**Tuan Wong Kah Woh:** Orang berlainan, so berapa orang yang terlibat?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Dua orang.

**Tuan Wong Kah Woh:** Dua orang. Gaji berjumlah RM71,000 dari 1 November hingga 15 April. Lepas itu, tidak ada?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Selepas itu sudah berhenti, sudah diberhentikan.

**Puan Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah Audit (Susulan Audit II), Jabatan Audit Negara]:** Sudah ditamatkan perkhidmatan dan dia kata untuk...

**Tuan Pengerusi:** Tekan, tekan.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Disusul oleh BSA.

**Puan Sarimah binti Umor:** Untuk isu ini, mengikut maklum balas dari pihak *auditee*, tindakan segera telah diambil dengan memberhentikan dua pegawai ini dan *moving forward action*. Maksudnya *in the future*, dia akan lebih teliti dan perhalusi pelantikan pegawai. *But for the existing one*, maksudnya dia sudah bayar. Bayaran ini memang sudah *gone* sebab ini lebih kepada macam *political* punya *appointment*.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Ini adakah yang ditempatkan di Pejabat Menteri yang saya terbaca?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Penempatan di Pejabat Menteri itu atas permintaan Menteri ataupun atas tindakan EMGS mengikut rekod?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Kalau ikut surat itu, memanglah atas permintaan Menteri.

**Puan Sarimah binti Umor:** Biasanya atas permintaan Menteri.

**Tuan Wong Hon Wai:** Boleh tanya, dia terima satu gaji atau dua gaji? Gaji sebagai Pengurus Kanan, dia ada terima gaji untuk Pegawai Khas-kah?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Satu gaji.

**Tuan Wong Hon Wai:** Satu gaji sahaja.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Dia terima gaji daripada EMGS, tetapi berkhidmat di Pejabat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Bermakna dia cuma menerima gaji daripada EMGS. Dia selaku Pegawai Khas di Pejabat Menteri, dia tidak ada menerima apa-apa gaji daripada Pejabat Menteri? Oleh sebab Menteri pun ada *entitlement* untuk Pegawai Khas.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Kita tidak *check* di sebelah situ. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Hon Wai:** Mungkin oleh sebab dia Pegawai Khas, dia mungkin tidak terima gaji tetapi dia mungkin ada *allowances*. Dia terbang sini sana, *you know all this, so we charged the Menteri or – These are the issue* kerana seorang pakai dua. Banyak topi sangat.

**Tuan Wong Chen:** *Qualification* dia apa?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *Engineering*.

**Tuan Wong Kah Woh:** Datuk, mungkin boleh bagi...

**Tuan Wong Chen:** *Qualification engineering. Civil engineering?*

**Tuan Wong Kah Woh:** Boleh bagi nama kedua-dua dan *qualification* bersama. Selain itu itu juga tadi saya ada dengar berkenaan dengan ada satu surat dari Menteri ya?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Boleh tunjukkan surat?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ada nama dia. Surat dan nama. Bagi nama dulu, surat kemudian ya.

*[Berbincang sesama Ahli]*

**Tuan Wong Chen:** CEO itu gaji dia berapa?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *[Ketawa]* Sekejap. CEO how much gaji, CEO?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Ini ada seorang. Secara kontrak, Ir Khairul Faizi bin Khalid.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Khairul Faizi bin Khalid.

**Tuan Wong Chen:** Umur dia berapa?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Dia tahun 1975, sekarang 44 tahun. *[Disampuk]* Dia Pengurus Kanan. Sepatutnya dia bekerja di EMGS, tetapi ditempatkanlah. So, ada surat daripada Menteri Pendidikan bertarikh 26 September 2018 yang telah ditandatangani oleh...

**Tuan Pengerusi:** Siapa itu? Siapa yang tandatangan?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Menteri.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sendiri yang tandatangan. Apalah.

*[Berbincang sesama Ahli]*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ini surat. Surat... *[Disampuk]* Yes.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** So, saya baca secara keseluruhan atau...

**Tuan Wong Kah Woh:** Yes. Secara keseluruhan.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Baca semualah.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Okey. Tarikh surat bertarikh pada 26 September 2018 kepada Ketua Pegawai Eksekutif *Education Malaysia Global Services (EMGS)* iaitu tajuk surat, "Cadangan Pelantikan Secara Kontrak Pegawai di Pejabat Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebagaimana Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. sedia maklum, Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan gabungan dua buah kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menjadikan kementerian ini sebagai kementerian yang terbesar di Malaysia.

*Justeru, tanggungjawab bagi memastikan setiap dasar dan aktiviti berkaitan pendidikan dapat diberi perhatian sewajarnya, memerlukan penelitian yang lebih rapi dan tersusun. Sehubungan itu, bagi memastikan agenda tersebut dapat direalisasikan, bilangan tenaga kerja yang sesuai amat diperlukan di Pejabat Menteri. Tenaga kerja ini akan memainkan peranan yang penting untuk membantu mendapatkan input yang tepat dan betul bagi memastikan Menteri Pendidikan dapat membuat keputusan dengan cepat dan tepat. Oleh yang demikian,*

*pertimbangan Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. adalah dipohon untuk melantik secara kontrak Ir. Khairul Faizi bin Khalid, nombor kad pengenalan 750331-02-5935 untuk ditempatkan di Pejabat Menteri secara sepenuh masa mulai 1 Jun 2018...*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Surat itu kepada PM sepatutnya.

**Tuan Wong Chen:** Tidak, tidak. Surat ini kepada EMGS, tetapi bayar gaji dia untuk kerja dengan Menteri?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Ini gi – *This is wrong!*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *That is why we put as an issue.* Memang...

**Tuan Wong Chen:** *But, this is* betul-betul salah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Kena baca sampai tandatangan.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** *“Pertimbangan Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. dalam hal ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih. Sekian yang ikhlas, Dr. Maszlee bin Malik”.*

**Tuan Pengerusi:** Kalau daripada bos pergi ke dia punya subsidiari, memang kira macam arahanlah walaupun pertimbangan, tetapi pertimbangan yang suruh mempertimbangkan itu adalah Menteri sendiri. Sebagai CEO, takkan dia tidak menurut perintah. Jadinya...

**Tuan Wong Kah Woh:** Menjalankan amanah.

**Tuan Pengerusi:** Menjalankan - Lupa, sudah tukar kerajaan. *[Ketawa]*

*[Berbincang sesama Ahli]*

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Gajinya dia minta RM15,000 tetapi dibayar RM13,000 sahaja.

**Puan Sarimah binti Umor:** Dia *demand* RM15,000 tetapi kita bayar RM13,000.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Gajinya dia minta RM15,000 lebih tetapi dibayar RM13,000 *per month.*

**Tuan Wong Chen:** RM13,000?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya, sebulan.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ini seorang atau dua?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ini seorang.

**Tuan Wong Kah Woh:** Seorang lagi?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *Degree holder. Degree holders* atau *Master's?* *[Disampuk]* Degree sahaja.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey-lah. Saya pun *degree* sahaja.



**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *No, I know.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Datuk, yang CEO Interim ini, berapa gaji dia? Tadi Yang Berhormat Subang tanya. CEO Interim.

**Tuan Wong Kah Woh:** CEO, *RM40,000 over.*

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** *RM40,000 over*, itu *Chairman* SEDA Yang Berhormat.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Yang diberi cuti, gajinya RM22,000. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Dia ada dua bukan? Sebelum ini, CEO dia berapa? Gaji dia berapa?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** CEO yang – RM48,720.

**Tuan Pengerusi:** *Wow!*

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Yang interim itu RM42,000.

**Tuan Pengerusi:** RM42,000. Sekarang CEO berapa? *Check* tidak gaji sekarang? RM42,000-lah ini?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** RM42,000 yang interim itu, yang sekarang ini.

**Tuan Pengerusi:** Siapa jadi *Chairman* sekarang?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** *Chairman* sekarang...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi, kalau boleh hendak dapatkan senarai yang terkini semua itu dan gaji mereka sendiri kalau boleh.

**Tuan Wong Kah Woh:** Datuk, tadi dimaklumkan ada dua orang Pengurus Kanan yang dilantik yang terlibat dalam isu ini. Satu lagi siapa? *[Disampuk]* Seorang sahaja. Okey.

#### ■1030

**Tuan Wong Chen:** *How about allowances.* Mereka mesti banyak elaun. Betul? Tak kan gaji dia RM13,000 sahaja? Elaun mesti RM10,000. *So, please find out the allowances also, put in for us.*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Elaun untuk CEO kah atau pun apa Yang Berhormat? Dua-dualah.

**Tuan Wong Chen:** Pengurus kanan dan juga CEO elaun dia berapa.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Tanya mereka nanti.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya maklumat itu tetapi Audit pun boleh juga *provide* kita mengenai perkara ini.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya, ya *I think better* Auditlah bagi *confirmation*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, jadinya ada lagi isu lain yang boleh...

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Saya rasa itu isu yang pentingnya. Selepas itu ialah...

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa Audit itu, *sorry* Datuk, Jawatankuasa Audit itu ada berapa ramai ahli dia dan siapa yang duduk dalam Jawatankuasa Audit.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Tiga, tiga.

**Tuan Pengerusi:** Tiga sahaja dalam Audit?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Biasanya begitulah.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Biasanya minimum tiga.

**Tuan Pengerusi:** Dia ambil tiga yang minimumlah itu?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *Because* ia pada *board*.

**Tuan Pengerusi:** Yalah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Yang penting ialah Unit Audit Dalam itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya betul.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Yang akan mengaudit. Mereka itu ialah orang yang akan melihat. Unit Audit Dalam pun tidak ada, jadi *checking* tidak dibuatlah. *Chairman* untuk Jawatankuasa Audit ini tidak sepatutnya CEO. *[Disampuk][Ketawa]* Ya, ya ini CEO jadi *chairman* Jawatankuasa Audit. Jadi *shouldn't be*. Maknanya orang yang menguruskan... *[Disampuk]* *That's why* kita bangkitkan isu *governance*.

**Tuan Wong Hon Wai:** Adakah suatu *code of conduct* kah *governance*?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Dia pun juga Ahli Lembaga Pengarah. So,...

**Tuan Pengerusi:** Itu bermaksud CEO ini juga selain daripada Pengerusi Audit, dia juga Ahli Lembaga Pengarah?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya, Ahli Lembaga Pengarah dan juga *chairman* kepada...

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Dia sebelum menjadi CEO, dia jadi lembaga pengarahlah.

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh itu.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Memang *governance considered out*.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ada tak pihak Audit atau pun pihak Setiausaha KSN ada satu garis panduan, *code of conduct* untuk semua GLC ini?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ada.

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Kalau ikutkan ada satu panduan khas yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, khas untuk Syarikat CLBG ini.

**Tuan Wong Hon Wai:** *Should implement. Government linked company I mean* syarikat milik kerajaan sahaja?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Tidak ada yang spesifik Yang Berhormat cuma...

**Tuan Wong Hon Wai:** Patut adalah kerana kalau tidak semua ini, ini bukan perkara luar biasa. Banyak saya lihat laporan-laporan seperti ini dalam setiap edisi Laporan Audit Negara kita sama ada federal, GLC atau *state* GLC. Memang perkara sebegini terlalu lumrah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Betul.

**Tuan Wong Hon Wai:** So, mungkin Ketua Audit Negara kena keluarkan satu garis panduan *for this*.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ia sebenarnya ada MCCG *best practice* akan tetapi *normally* mereka akan mengatakan ia tidak *adopt that best practice*. So, that is the problem.

**Tuan Wong Hon Wai:** Jadi sebenarnya kena keluarkan satu garis panduan. Kemudian semua orang yang dilantik untuk GLC kena ambil kursus tiga hari.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya *should be*.

**Tuan Wong Hon Wai:** Duduk satu *exam*.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Itu syor kita. [Ketawa] Syor PAC pun mungkin nanti. Mungkin PAC boleh buat syor itu. Mesti ada kawalan terhadap GLC *and also* CLBG. So, kawalan itu perlu daripada yang mandatlah.

**Tuan Wong Hon Wai:** Semua *chairman* GLC, *board* member GLC semua kena duduki kursus.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Memang, kursus ada. Kena kursus.

**Tuan Wong Hon Wai:** Dia punya, *I mean* dia punya *specific government* GLC bukan SSM.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Kalau di bawah MKD ada, khas.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Datuk, saya ada satu soalan. Dalam nota yang dibekalkan juga, salah satu penemuan mengatakan geran itu tidak habis digunakan. Okey itu macam mana? Jadi ia ada isu tetapi macam mana kita hendak *tackle* masalah ini.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya *RM22 million*. Ia sepatutnya menggunakan sepenuhnya geran sebab geran yang diminta itu adalah bagi tujuan untuk operasi. Akan tetapi di peringkat awal, ini pihak kita cuma buat lebih kurang andaian iaitu mereka memerlukan duit untuk dimasukkan dalam FD dan *generate income from there* untuk tujuan pengurusan ini. Mungkin itu. Akan tetapi itu caranya. Jadi itulah masalahnya.

**Tuan Pengerusi:** Sedangkan duit itu sepatutnya digunakan untuk promosi untuk *market-*kan dia punya ini, untuk operasi dialah daripada semasa ke semasa. Banyakkah *interest* dia dapat?

**Encik Md Adnan bin Abdullah:** Ia berdasarkan *RM21 million*.

**Tuan Pengerusi:** Sebab ada *RM22 million* kan.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *RM1 million over*.

**Tuan Pengerusi:** Ha *RM1 million over.*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *RM1.7 million.*

**Tuan Pengerusi:** Okey Jawatankuasa semua ini, Yang Berhormat Tuan Wong Chen jangan gosip dahulu. *[Ketawa]* Ini dia punya *interest* sahaja *more than RM1 million* tau.

**Seorang Ahli:** *RM1.7 million.*

**Puan Sarimah binti Umor:** Sebab dia *making good money from* yuran pemprosesan visa dan mampu menanggung kos operasi sebab mereka memang *making good money.* So, mereka tidak perlu guna peruntukan ini sebenarnya. *That's why* peruntukan tidak habis.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak pulangkan balik peruntukan itu?

**Puan Sarimah binti Umor:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Pulangkan, kalau tidak ini dia kena pulangkan semula.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ada pulangkan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Datuk, *I found info this particular* pengurus kanan ini *according to the info* ini *he started work with as a special officer to Minister Education since June 2018.* But, ini dia punya ini daripada Jun tetapi EMGS bayar gaji dia *from November* kan. So, maknanya sebelum itu dia sudah kerjalah di sini. So, *EMGS was asked to pay his salary from November until April.*

**Tuan Pengerusi:** Apabila kena tegur itulah dia berhenti. Dia dapat satu gaji kah dua gaji ini? UPM Holding di bawah UPM *and* UPM ini bawah Dr. Maszlee sendirilah, bawah KPM.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** ...Jun tetapi dia dibayar, dia sebenarnya *by June*, tetapi oleh kerana tidak masuk dalam *board*, dia kena bayar *start* daripada yang telah di-*adopt* untuk itu, November. *Letter only* September. Dia sudah bekerja, selepas itu cuba untuk dibayar *since June* tetapi EMGS bayar *only November, starting.*

**Tuan Wong Chen:** Okey Datuk, saya baca tadi Scicom ini gaduh dengan Menteri sekarang, betul? *It's in the news* tau. Betul tak? *I* baru Google.

**Tuan Pengerusi:** Gosip tadi ya?

**Tuan Wong Chen:** Tidak. Dalam Free Malaysia.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Mungkin dia gaduh baru kot.

**Tuan Wong Chen:** Gaduh baru, Mac. Dia kata Scicom *took too much money. They want* to buat *full investigation.* So, you know that is the big issue. *Separate issue.*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *Separate issue which is* kita tidak boleh hendak go in dalam Scicom.

**Tuan Wong Chen:** Scicom ini siapa punya? Did you all investigate? Datuk mana punya.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Cuba tengok, ada tak maklumat. Ada? Kita boleh cari Scicom itu. Kita mungkin *furnished* selepas inilah.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya Scicom ini dapat projek ini 2012. Tahun 2012 dia dapat 15 tahun yang pertama, dia dapat *65 percent*, Scicom yang dapat. Maknanya EMGC cuma dapat 35 peratus dan kemudian dia turunkan sedikit 55 peratus dengan 45. Jadinya ia sudah.

Sekarang ini, apabila dia gaduh mungkin, ada kemungkinan EMGC yang ambil *100 percent* kot.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Yalah. *Yes, not 8 years, 10 years.* Belum lagi. *Big portion.*

#### ■ 1040

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lagi Datuk, untuk makluman kita?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Saya rasa itu saja yang pentingnya. Cuma *leading* itu, itu mungkin PAC kena tanyalah soalan berkaitan dengan risiko setelah mereka mendaftar sebagai *student* dan tidak dipantau.

**Tuan Wong Chen:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Krishnan Menon punya, taiko.

**Tuan Pengerusi:** Siapa?

**Tuan Wong Chen:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kawan baru saya.

*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Siapa? Siapa punya?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *Who?*

**Tuan Wong Chen:** Krishnan Menon.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Krishnan.

**Tuan Wong Chen:** Dulu Petronas punya CFO. CFO Petronas dulu. Ini geng siapalah?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Geng Subang.

**Tuan Wong Chen:** Bukan geng saya, I kenal dia. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, risiko setelah dia menjadi *student* itu yang tidak dipantau oleh EMGS. Itu yang berbahaya sebab ia boleh mendatangkan lambakan pelajar-pelajar. *Sort of "pelajar-pelajar"* tapi bukan pelajar lagi.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mungkin daripada segi terima *for three years duration of* pelajar.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Akan tetapi *start* daripada *first year* lagi- dia duduk atas visa pelajar.

**Tuan Pengerusi:** Tadi saya tertarik dengan yang Datuk beritahu fasal ada yang sampai mengatakan bahawa melalui proses ini ia jadi macam *human trafficking*.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya. Selepas itu, data Scicom itu bukan milik EMGS.

**Tuan Pengerusi:** Oh ya ke, habis milik syarikat itu sendiri?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Syarikat itu sendiri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Apa itu Datuk?

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Data-data.

**Tuan Pengerusi:** Data-data pelajar ini semua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Software*.

**Tuan Pengerusi:** Data pelajar bukan milik kerajaanlah maknanya. Milik Scicom, okey. Ada apa-apa lagi?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Who is there shareholder of EMGS?*

**Tuan Pengerusi:** KPM lah kot, ini EMGS.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** CLBG.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, KPM lah. Ia *100 percent* bawah KPM lah ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *100 percent owned by government* lah.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** *Limited by guarantee*.

**Tuan Pengerusi:** *Limited by guarantee*. Okay lah, kalau tidak ada apa-apa- tapi terima kasih banyak Datuk Zulkipli Abdullah. Saya dapat maklumat yang bulan 10 ini Datuk hendak bersara, ya? Bukankah sudah naik 65 tahun? *[Ketawa]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Sudah batalkan, kena batal sudah.

**Tuan Pengerusi:** Oh, sudah batal.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Kalau lulus pun sudah tidak boleh sebab pencen sudah *approved*.

**Tuan Pengerusi:** Pencen sudah *approved* tapi terima kasih banyaklah atas segala kerjasama semasa bersama dengan Audit dan juga membantu kami di PAC. Terima kasih banyak Datuk. *[Tepuk]*

*[Saksi-saksi dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan EMGS mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

#### ■1050

**Tuan Pengerusi:** Okey. *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera kepada semua yang hadir pada hari ini. Hadir di hadapan PAC

Parlimen pada hari ini adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas dan yang lainnya adalah barisan pengurusan kanan serta pegawai daripada KPM dan juga daripada EMGS. Jadi yang pertamanya saya hendak ucapkan— kami PAC ingin mengucapkan terima kasih banyak di atas kehadiran dalam prosiding PAC Parlimen Bilangan 32/2019 berhubung *Education Malaysia Global Services*.

Sebelum saya memulakan prosiding pada hari ini, elok saya memberikan sedikit sebanyak penerangan ringkas mengenai PAC Parlimen kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. KSU KPM serta pengurusan kanan dan pegawai KPM.

PAC Parlimen mempunyai 14 ahli yang terdiri daripada ahli Parlimen selain dibantu oleh tujuh wakil tetap iaitu ex-officio daripada kementerian, jabatan serta agensi, iaitu daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara. Semua ex-officio ini berperanan untuk memberikan input, pandangan serta maklumat kepada jawatankuasa ini terhadap prosiding yang dijalankan serta terbabit secara langsung dalam menyediakan laporan PAC Parlimen untuk dibentangkan ke dalam Parlimen.

Untuk makluman Dato' Dr. Mohd Gazali, tajuk EMGS ini dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1 yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019. Untuk makluman Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali juga, PAC juga mempunyai kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(c) dan juga Peraturan Mesyuarat 83(2) untuk memanggil orang hadir di hadapannya untuk apa-apa perkara yang difikirkan oleh jawatankuasa itu patut diperiksa atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada jawatankuasa.

Sebentar tadi, Yang Berbahagia Datuk Zulkipli bin Abdullah, Timbalan Ketua Audit Negara, bahagian Audit Tadbir Urus memberikan penerangan ringkas dan perkembangan terkini mengenai isu EMGS seperti yang terdapat dalam Paparan Ketua Audit Negara (*AG's Dashboard*). Jadinya, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas selaku KSU KPM untuk memulakan penjelasan mengenai isu *Education Malaysia Global Services* ini. Jadinya, dipersilakan Dato'.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, ahli-ahli PAC, ahli-ahli tetap PAC, Yang Berbahagia Datuk, Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih...

**Tuan Pengerusi:** Sebelum itu Dato', perkenalkan semua pegawai yang bersama dengan Dato'. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Saya akan, saya akan.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Okey. Tidak dengar kah?

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Terlebih dahulu...

**Tuan Pengerusi:** Semua adalah *being recorded*. Jadinya, kalau apa hendak menyatakan *view*, atau apa kena tekan mikrofon itu.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Ya, ya. Ini sudah tekan ini, ada merah ini. *[Ketawa]* Okey. Saya cuba kuatkan balik.

**Tuan Pengerusi:** Ya Dato'. Maksud saya betulkan mikrofon betul-betul supaya ianya jelas...

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi:** Untuk dibuat catatan.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Terima kasih kepada pihak PAC memanggil kita untuk memberi peluang kepada kita untuk membuat penjelasan ke atas isu-isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1. Seperti mana yang diminta tadi, saya akan perkenalkan juga ahli-ahli rombongan saya. Di kanan saya, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir. Di sebelah kiri saya, Encik Shahinuddin bin Shariff, CEO EMGS. Manakala di sebelah kanan saya...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Encik Megat Azlani bin Megat Ramli. Di sebelah kanan Encik Megat...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Haji Kamaruzaman.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Tuan Haji Kamaruzaman daripada Bahagian Pembangunan. Manakala di sebelah kiri Encik Shahinuddin ialah Puan Normah binti Osman daripada Bahagian Dasar. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Oh, tidak perasan. Ketua Audit Dalam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ada lagi yang saya kena perkenalkan? *I think that's about all.*

**Tuan Pengerusi:** No, keluarkan *tagging* itu *because you are sitting on someone else* punya itu kan? Okey.



**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Okey, Tuan Pengerusi. Hadirnya saya hari ini di sini bukanlah pertama kali. Saya pernah *sit on the other side of the table* sebagai ex-officio Unit Perancang Ekonomi pada masa itu. Bukan perkara baru dari segi prosiding kepada PAC *but anyway* terima kasih telah menjelaskan juga apa yang patut berlaku dan yang telah berlaku dalam PAC.

Mengenai Laporan Audit yang kita ada hari ini, seperti mana yang dilaporkan ada 10 isu yang dibangkitkan. Daripada 10 isu tersebut, dua difahamkan sudah pun dianggap selesai dengan lampu hijau manakala lapan lagi kalau dari segi *color code or traffic light monitoring*-nya masih dalam tindakan. Difahamkan juga, Tuan Pengerusi dan juga ahli-ahli mesyuarat, kita diberikan tempoh 12 bulan untuk menyelesaikannya. Bagaimanapun, kita tidak menunggu sampai 12 bulan. Di pihak kementerian, kita *take it seriously* setiap perkara yang dibangkitkan oleh Audit, kita patut tangani dengan sebaik mungkin.

Saya sendiri baru masuk kementerian ini, 12 bulan yang lalu. Namun, *team* saya ini, orang-orang lama yang mungkin boleh membantu sayalah dari segi menjawab apa-apa perkara mengenai *perhaps legacy and history behind* EMGS. Namun begitu, izinkan saya menyebut sepatah dua mengenai EMGS yang ada dalam rekod kita. Ia merupakan syarikat *limited by guarantee* yang ditubuhkan pada 13 April 2012 di bawah kawal selia Kementerian Pendidikan Malaysia.

Objektif penubuhannya berdasarkan MNA yang ada, adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan global terbaru serta menjalin perhubungan dan rangkaian yang mendatangkan berfaedah kepada sosioekonomi negara. Selain itu, EMGS bertindak sebagai pusat sehenti untuk memproses permohonan visa pelajar antarabangsa bagi IPTA, IPTS, sekolah bahasa dan pusat latihan kemahiran.

Bagi tempoh tahun 2012, sejak penubuhannya sehingga tahun 2013, EMGS telah menerima geran mengurus sebanyak RM30.2 juta. Bagaimanapun, untuk tempoh tahun 2015 sehingga tahun 2018, EMGS tidak lagi menerima geran daripada kementerian kerana boleh berdiri atas kaki sendiri berdasarkan *model business*-nya. Sehingga 31 Disember tahun lalu, baki keseluruhan geran yang masih belum digunakan adalah RM22.13 juta seperti mana yang disebutkan dalam Laporan Audit.

Ada empat aktiviti utama EMGS iaitu:

- (i) mempromosikan pendidikan tinggi Malaysia di peringkat global;
- (ii) mengurus dan memproses permohonan baharu dan permohonan pembaharuan tahunan pas pelajar, visa dan i-Kad pelajar

- antarabangsa dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia untuk pelajar di IPTA, IPTS, sekolah bahasa dan pusat latihan kemahiran;
- (iii) pengurusan kebajikan pelajar; dan
  - (iv) menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan dengan menubuhkan pusat sehenti (*one-stop centre*) yang beroperasi sepenuhnya pada 4 Februari 2013.

Jadi, untuk meneruskan agenda kita yang selanjutnya, dengan izin Tuan Pengerusi, saya menjemput *my colleague*, Encik Shahinuddin, CEO EMGS untuk *walkthrough this slides* yang telah kita sediakan. Terima kasih.

**Encik Shahinuddin bin Shariff [Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Nama saya Shahinuddin bin Shariff untuk mereka yang mungkin tidak nampak daripada belakang. Saya merupakan Pegawai Ketua Eksekutif EMGS dan saya juga merupakan Pengarah EMGS sejak tubuhnya EMGS pada 13 April 2012. Ini bermakna bahawa saya mempunyai sedikit sebanyak sebagai pengarah dan pengetahuan mengenai sejarah EMGS.

EMGS pada mulanya sebagaimana yang telah diterangkan oleh Dato' Dr. Mohd Gazali bahawa ia ditubuhkan untuk mempromosikan pendidikan Malaysia di luar negara. Bagi menampung aktiviti tersebut iaitu mempromosikan dan memasarkan pendidikan ini, EMGS telah diberikan mandat untuk memproses visa-visa pelajar antarabangsa. Justeru itu, dengan model sedemikian, EMGS dapat berdikari tanpa membebankan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Okey, sekarang saya hendak membawa Yang Berhormat sekalian untuk merujuk kepada *dashboard* yang pertama dan latar belakang yang telah pun ditandakan 'kuning' ya. Sebenarnya, kami telah pun melakukan banyak perkara penambahbaikan yang telah pun disarankan oleh Jabatan Audit Negara. Cuma hanya kami telah dimaklumkan baru-baru bahawa ianya harus di-*update* melalui *website*. Kami tidak pun dimaklumkan sebelum ini oleh Jabatan Audit Negara bahawa itu adalah cara-caranya untuk di-*update* sebab kami juga dimaklumkan...

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Sorry*.

**Tuan Pengerusi:** Audit, jawab ini Audit.

**Datuk Zulkipli bin Abdullah:** Ya, masa *entrance* dan masa *exit* kita sudah maklumkan supaya bertindak apabila dibangkitkan sebagai isu dan dimasukkan dalam *AG's Dashboard*. Maka, jawapannya hendaklah ke situ. Sudah dimaklumkan, awal lagi.

■1100

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I definitely cannot recall that.* Walau apa pun, kami telah pun menjalankan langkah-langkah penambahbaikan yang telah pun disarankan dan saya telah pun menegaskan pada pihak Audit Negara bahawa segala perkara-perkara ini akan diselesaikan dalam bulan November. *In fact*, Audit Negara telah pun beri saya masa sehingga hujung tahun tetapi saya yakin yang perkara-perkara ini dapat diatasi dan ditangani pada sebelum bulan November.

Jadi, buat waktu ini sekiranya saya rujuk kepada yang kuning pertama ya, perenggan 6.1.4 misalnya mengenai pelantikan pegawai-pegawai kerajaan. Kami telah pun membuat tindakan tersebut dan telah pun melantik Datuk Dr. Ghazali dan *insya-Allah* Datin Paduka KP untuk jadi salah seorang daripada ahli Pengarah. Kami juga telah melantik KP Jabatan Imigresen Malaysia dan juga salah seorang wakil daripada universiti awam untuk menjadi pengarah.

Jadi, perkara-perkara tentang pengarah-pengarah baharu telah pun diatasi dan sedang mendapatkan kelulusan daripada SSM. Pada lazimnya bagi CLBG, SSM akan mengambil...  
[Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Okey, Encik Shahinuddin. Mengapa ada kelewatan dari segi lantikan ini?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Lantikan macam mana itu?

**Tuan Pengerusi:** Lantikan lembaga-lembaga pengarah.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Okey, KP Jabatan Imigresen Malaysia telah pun tamat khidmatnya sebagai pengarah pada bulan Disember 2018. Begitu juga dengan wakil daripada Kementerian Pendidikan, TKP, masa itu Datuk Kamil Mohamad pada juga tarikh yang sama. Begitu juga dengan salah seorang lagi wakil daripada kementerian. Jadi, untuk melantik to SSM itu pada lazimnya untuk CLBG mengambil enam hingga lapan bulan, *that is quite normal. You would be surprised that SSM takes six to eight months to approve an application for CLBG Director. So, in fact...* [Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Lapan bulan?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya betul.

**Tuan Pengerusi:** Ataupun adakah tindakan ini lewat kerana tidak ada tindakan proaktif daripada pihak EMGS sendiri.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Kita telah pun menulis kepada pejabat... [Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Bila tarikhnya?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yang Berhormat Menteri sebaik sahaja... [Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Bila tarikh, soalan saya bila tarikh?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Saya tidak ingat tarikh itu tetapi kita telah pun maklumkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri untuk memberi – *to nominate, we do not have cadangan to nominate a director.*

**Tuan Pengerusi:** Bagi tarikh itu nanti kepada sekretariat.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Insyaa-Allah.*

**Tuan Pengerusi:** *We need the date.*

**Tuan Wong Chen:** So Encik Shahinuddin, maknanya you sudah minta daripada Yang Berhormat Menteri untuk *nominate* betul tidak?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya betul.

**Tuan Wong Chen:** Jadi – *so, the delays caused by the Yang Berhormat Menteri is that?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No, no. They have given the names but it takes – we have submitted the names that have been approved in April and in fact kita sudah submit kepada SSM sampai sekarang tidak approved. In fact, the current chairman punya pelantikan dan juga salah seorang lagi nominee yang telah dilantik dalam bulan September hanya diluluskan dalam bulan Februari tahun ini oleh SSM.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *That is why we need the date of submission.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes, I will definitely.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, teruskan.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Okey, kemudian dari – okey, seterusnya soal *board charter* ataupun piagam pengarah. Kami telah pun mendapat kelulusan daripada lembaga pengarah pada bulan April tidak silap saya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sebelum itu, ada tidak mesyuarat ini dijalankan, mesyuarat ahli lembaga pengarah, berapa kali dijalankan tahun 2018 dan juga tahun 2019, tarikh-tarikh?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ada tarikh-tarikh, saya tidak ada rekod.

**Tuan Pengerusi:** Berapa kali?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Dalam tahun 2018 jarang sekali lah, saya ingat tidak lebih... *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Jarang sekali itu berapa?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Mungkin tidak lebih daripada empat.

**Tuan Pengerusi:** Tidak lebih daripada empat kah atau empat kah, dua kah atau tiga kah?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *There are about* tidak lebih daripada empat.

**Tuan Pengerusi:** Sepatutnya berapa?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *The minimum is four.*

**Tuan Pengerusi:** *Why is that?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I ingat you have to ask the previous management. I am not in liberty to ask – kita... [Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** *That one is year 2018.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *So this year?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *This year we have every month.*

**Tuan Pengerusi:** *Every month you have.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes.*

**Tuan Wong Chen:** *But you are board of director since year 2012, right?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes.*

**Tuan Wong Chen:** *So, during year 2018 you did not raise any objection?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *We did, I did. I did raise an objection but it was ignored by the previous management.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Encik Shahinuddin, mengikut rekod lembaga pengarah telah memutuskan pelantikan tiga orang ahli lembaga baharu ini kan, it was on 31<sup>st</sup> May 2019.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *It is right, yes.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Akan tetapi Kementerian Pendidikan I believed hanya meluluskan pada 1 Ogos, maknanya three months later, Jun, Julai, Ogos.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Itu satu punca kelewatan juga pelantikan lembaga ini iaitu Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk KSU sendiri dan juga wakil universiti USM.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Maknanya three months you take to get approval from kementerian itself.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Itu belum SSM lagi?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Belum.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *So, sekarang ini SSM belum approve lagi kah itu?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Belum lagi.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *So, submission to SSM tidak ingat?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Submitted, yes. Tidak ingat.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Bulan berapa?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *But I can give you the date.*

**Tuan Pengerusi:** Nanti minta CEO supaya memberi maklum balas kepada sekretariat PAC semua tarikh-tarikh mesyuarat ahli lembaga pengarah daripada tahun 2018 sampai sekarang.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Ya, terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Pengerusi, justeru mengikut apa yang dikatakan oleh tuan tadi, tahun ini setiap bulan ada mesyuarat.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya betul.

**Puan Wong Shu Qi:** Jadi, dalam semua mesyuarat ini ada wakil kerajaan lah?

**Tuan Wong Chen:** Tidak ada?

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada lah itu. Cakap, jawab saja.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Belum.

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Wong Chen:** *So, what is your current composition in the meeting* berapa orang?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Lima.

**Tuan Wong Chen:** Lima?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Masih lagi lima.

**Tuan Wong Chen:** *But no government representative?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *That depends. I just being appointed, my case 1<sup>st</sup> August. No, but – how do you define the government representative?*

**Tuan Wong Chen:** *Well, you are not a civil servant lah. You are under EMGS right?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yes.

**Tuan Wong Chen:** *So, you are not a government representative.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *But all Board of Directors of CLBG must be approved by the Ministers. So, rightfully they all.*

**Tuan Wong Chen:** *Yes, we are talking about the ministry official. It was directly under...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *The ministry. No, we not.*

**Tuan Wong Chen:** *So, anyway follow-up from what the Chairman has said. If you can give the details of the officers that attended the meetings too.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Sure.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *But according to your M&A, EMGS M&A, your board of directors must consist of four representative from IPTA or IPTS, must, must.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yes.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Two from industry right?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yes.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *So, without the representatives from IPTA or IPTS.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *We do, we do. We have a representative from the IPTA and IPTS. One each.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *One each?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yes.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *What about the USM? The...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *He is the IPTA lah punya representative.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** IPTA.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yes.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Akan tetapi ada yang lain-lain lagi lah dalam *board* sekarang.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, teruskan.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Okey, seterusnya pada tarikh yang sama juga ataupun – okey, selepas piagam ahli lembaga pengarah diluluskan, kami juga pada masa yang sama meluluskan *an updated version of the terms of reference* untuk *audit committee* dan juga *nomination committee*, okey. Itu pada tarikh yang sama.

Seterusnya, pada tarikh yang sama juga kami telah mansuhkan apa yang sebelum ini merupakan komiti untuk pemasaran kerana kami berpendapat komiti tersebut tidak berkesan dan ia hanya dapat bermesyuarat tidak lebih daripada tiga kali setahun. Bagi pemasaran kami berpendapat bahawa ia patutnya dikemukakan kepada ahli lembaga pengarah, ia merupakan perniagaan utama EMGS. *So, EMGS supposed to be an expert so we leave it to the board and subject to management's recommendation, okey.*

*I think next, the other issue that has been raised in so many ways are the SOP lah. I think they are two parts of the SOP, one is the operation, bahagian yang operation itu saya percaya tidak ada sebarang dapatan oleh Jabatan Audit Negara ataupun tiada sebarang observation yang mengatakan ia tidak lengkap. So far it has been okay.*

#### ■1110

*But, apa yang dibangkitkan ialah SOP mengenai pemasaran dan SOP yang tidak terdapat langsung sebelum ini. Kami telah pun dan sedang mengadakan beberapa perbincangan dalaman dan telah pun kemukakan satu *skeleton plan to the Board to approve an SOP for marketing*. I think what was lacking before was that there was no report of any of the outing.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay. Thus, one question that I would like to ask. You mentioned that you no longer have or you proposed not to have lagi SOP on the marketing, because you feel that it is irrelevant. Bagaimana pula SOP monitoring and compliance? Ini sebab melalui sistem STARS, pelajar yang masuk obviously ada dari segi datanya tetapi tolong jelaskan kepada kami, bagaimana pula dari segi ataupun EMGS ini hendak monitor kalau sekiranya mereka itu tidak lagi belajar ataupun they stop going to schools or to universities. Can you please explain on that?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Okey. Pada lazimnya, mereka akan dikeluarkan satu VAL (*Visa Approval Letter*) sebaik sahaja tawaran mereka telah dikemukakan kepada kami dan kami telah pun membuat satu pengesahan tentang kesahihan tiap-tiap permohonan tersebut. Seterusnya, memasukkan di dalam sistem MyIMMs JIM (Jabatan Imigresen Malaysia). Mereka merupakan pihak berkuasa yang mengeluarkan visa pelajar ataupun pas pelajar. Seterusnya, kami akan— *We will do the endorsement on their passport for student's visa. So, from time to time, they are supposed to come back to us to ensure that they are in compliance as genuine student* dengan setiap enam bulan mengemukakan CGPA mereka. Ada CGPA yang mereka mestilah tidak rendah daripada 2.0. Itu satu. Kemudiannya, mereka juga kena kemukakan *attendance list* yang tidak kurang daripada 80 peratus *attendance* mereka di dalam kelas. Jadi, dengan cara begini kami dapat memastikan bahawa mereka merupakan pelajar-pelajar yang tulen ataupun *genuine in that sense*. Sekiranya mereka gagal, kami akan melaporkannya kepada IPT mereka, pihak universiti mereka dan juga pihak JIM. Kemungkinan besar visa mereka akan ditarik balik ataupun...

**Tuan Pengerusi:** Berapa peratus itu yang didapati...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Soalan...

**Tuan Pengerusi:** *After that, saya bagi kepada ustaz. Berapa peratus yang didapati melalui assessment yang pihak tuan buat itu, yang tidak dapat disambung disebabkan mereka mungkin tidak melalui syarat-syarat tertentu dan tidak pergi kelas? Ada atau tidak kajian mengenai perkara tersebut?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ada kajian mengenai profil-profil beberapa negara yang mungkin kita rasa merupakan negara-negara yang bermasalah. Menurut profil ini, kita dapat mengenal pasti bahawa sekiranya mereka mempunyai satu kelulusan yang tinggi, misalnya *A Level* dan setaraf, mereka akan biasanya memohon untuk kursus yang rendah, yang senang untuk diduduki, hanya bertujuan untuk berada di dalam negeri ini selama yang boleh. Pada masa itu, kita akan dapati mereka tidak berada di dalam kelas misalnya. *So, we can detect that they were not in class and so the whole intention of being in this country has become a suspect. So, we tend to profile it. I mean, it is bad word, but we tend to profile this.*



**Tuan Pengerusi:** Berapa peratus daripada rekod?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Daripada rekod, *it is not more than 10 percent.*

**Tuan Pengerusi:** *Not more than 10 percent?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Not more than 10 percent. In fact, the criminal record is not more than 0.6 percent of international students.*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Soalan saya, tadi mengatakan bahawa enam bulan sekali mereka kena hantar laporan...

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes. Every semester.*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Daripada semua yang *you* uruskan itu, berapa peratus yang menghantar laporan? Sekiranya mereka tidak hantar laporan, berapa lama *you* *contact* balik untuk mengesan mereka?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Dia kalau tidak dapat- *the other check is that*, kalau dia hantar laporan, mereka pada hujung tahun itu tidak akan- lesen ataupun kebenaran untuk mereka mengambil pelajar antarabangsa ini tidak akan dikeluarkan oleh KDN (Kementerian Dalam Negeri) dan ia tidak akan disokong oleh Kementerian Pendidikan. Pada lazimnya, mereka memerlukan satu kebenaran untuk membawa masuk pelajar-pelajar antarabangsa dan lesen ataupun kebenaran ini akan diperbaharui tiap-tiap tahun.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Soalan saya tadi, pelajar itu sudah belajar dan *you* telah uruskan. Kemudian dia kena hantar laporan keputusan dia enam bulan sekali...

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Betul.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *So*, sekiranya mereka tidak hantar laporan, sejauh mana *you* memantau mereka? Ini sebab difahamkan *you* ada 69 staf, begitu ramai. Sejauh mana pemantauan itu yang saya hendak.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Betul. Kita akan laporkan kepada KPT dan KPT akan buat penaziran dan panggil mereka untuk memberi penerangan mengapa mereka tidak menghantar laporan tersebut. Mungkin mereka- Selalunya mereka akan dikompaun dan sebagainya.

**Tuan Wong Chen:** *How many percent...*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Itu yang saya hendak tahu rekod, berapa *percent* yang hantar? Saya hendak tengok keberkesanan *you* *all* mengurus.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yang tidak hantar.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Yes*, yang tak hantar.

**Tuan Wong Chen:** Yang hantar, yang tak hantar...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *How many percent* yang tidak memenuhi keperluan...

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *It is about 10 percent. It is about 10 percent.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *10 percent.*

**Tuan Pengerusi:** Memang ada kajian dibuat mengenai perkara ini ataupun *the 10 percent* itu *just...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No, no.* Memang kita tiap-tiap tahun ada...

**Tuan Pengerusi:** Memang ada? Memang ada ya?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Memang tiap-tiap tahun kita ada. Kita ada itu sebab kita kena buat surat sokongan untuk mereka memperbaharui visa setiap kekosongan untuk memperbaharui lesen mengambil pelajar antarabangsa.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Datin Paduka, sebab dahulu Datin Paduka dengan Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini. Boleh Datin Paduka memberikan penjelasan berkaitan dengan perkara yang sama?

**Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir [Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi]:** Kami telah membangunkan— *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera *and have a very good morning*. Di pihak Jabatan Pendidikan Tinggi, kami telah membangunkan e-IPTS. Sistem e-IPTS ini bermaksud semua program, semua pelajar dan semua maklumat berkenaan IPTS ada di dalam e-IPTS kami. Jadi, setiap bulan mereka kena hantar kedatangan pelajar. *Failing to do so, we have requested* dalam garis panduan untuk mereka menghantar maklumat kepada EMGS dan Imigresen. *This is where our mechanism* untuk memastikan pelajar ini tidak hilang. Di e-IPTS juga kami memastikan kalau ada IPTS yang hilang pelajar lebih daripada *five percent*, kami tidak akan satu, memperbaharui lesen untuk mengambil pelajar antarabangsa. Kedua, juga tidak memperbaharui pendaftaran IPTS tersebut. Jadi, memang kita ada satu mekanisme yang memastikan pelajar itu adalah berdaftar. Ingin saya kongsi, pelajar yang telah...

**Tuan Pengerusi:** Datin Paduka, berdaftar dia lain. Mendaftar kita faham. Kita pun dimaklumkan oleh Audit, dari segi pendaftaran kita tidak ada masalah. *Now, our concern* sebab risiko selepas itu adalah mereka yang telah menjadi pelajar di negara ini tetapi tidak pergi belajar. Dia menggunakan visa... *[Disampuk]* Nanti dahulu. Dia menggunakan— Saya tengah bercakap dengan Datin Paduka. Tidak menggunakan visa tersebut untuk belajar tetapi menggunakannya untuk tujuan-tujuan yang lain. Kita khawatir risiko selepas itu. Daripada maklumat yang diberikan kepada kami, maklumat yang diberikan kepada kami oleh Audit, keluar selepas itu tidak ada rekod. Minta penjelasan mengenai perkara ini.

**Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Kami ada satu sistem kita panggil *Check Out Memo*. Jadi, apabila seseorang pelajar itu telah tamat pengajian, IPTS perlu membuat

laporan kepada JPT (Jabatan Pendidikan Tinggi) dan Imigresen bahawa pelajar tersebut telah keluar. *That Check Out Memo is a way of closing the loop.* Tanpa *Check Out Memo* itu, kami beranggapan bahawa pelajar masih ada di dalam negara. Jadi, di situlah IPTS tersebut perlu melaporkan berapa pelajar yang telah mempunyai *Check Out Memo*. Itu adalah...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Datin Paduka, sekarang ini *Check Out Memo* punya sistem ini belum beroperasi bukan?

**Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Sudah. Ini adalah yang dilaksanakan oleh kami di Kementerian Pendidikan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Akan tetapi maklumat yang diberi kepada kami, dijangka sistem dapat berjalan secara langsung Disember 2019. Betulkah?

**Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Yang itu ialah....

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ini ada dalam maklum balas kepada Audit.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Can I just answer that? Okay. Actually, the Check Out Memo* itu sudah berjalan sebegini lama. *It is an instrument that's agreed under the Immigration* punya *convention*. So, normally mereka ini bila sudah habis dan sudah bayar hutang semua, hendak keluar negeri ini, dia akan memfailkan satu *Check Out Memo* sama ada di EMGS ataupun pejabat-pejabat cawangan Imigresen.

#### ■1120

Pada setiap tahun kita akan cuba *reconcile* dia punya data dengan kita punya data dan kita akan tutup riwayat pelajar tersebut di dalam negara ini. Mereka yang tidak fail, kita tahulah mereka ini *has gone under the grid*. Okay so, in other words, they are overstaying, they are committing all sorts of offences.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Can I ask for awhile.* Tuan Pengerusi, for those who have overstayed their welcome, is there any follow up action that you can take or you communicating it to the agencies and the authorities.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** No. Normally the Immigration will do the ...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Maksudnya the company EMGS tidak mengambil tindakanlah, hanya memaklumkan kepada Imigresen.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya betul. Kita tidak ada kuasa untuk *enforcement*. We don't have *enforcement*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** So maksudnya *once they go dark, they really go dark for you?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yes. They really go dark for us. They really go off the grid. But that is one of the ways kita boleh check from is the e-ComM. So now the... [Disampuk] Sorry

*checkout memo. Now the checkout memo is digital, has gone digital. Baru-baru ini pihak JIM pun telah bersetuju bahawa semua kena fail checkout memo dalam EMGS. So, instantly we will know the exact number of foreign students in this country.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *So, at the moment EMGS already obtained the approval from JIM to handle this system?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes, yes for the whole student. Ya.*

**Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *Boleh saya berkongsi maklumat? Pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa ini adalah di bawah kuasa Akta 555 dan kita sentiasa membuat regular audit yang mana pegawai-pegawai dari bahagian penguatkuasaan akan melawat IPTS, memastikan pengurusan tersebut dari segi akademik, dari segi tempat tinggal dan dari segi program yang mereka ikuti. So, that is a regular schedule monitoring that we do on top of the attendance tadi.*

**Tuan Pengerusi:** *When you say regular, how regular it is? Every three months, six months, any basis?*

**Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *We have 145 IPTS that have the license to recruit international students. So, we schedule over one year.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Boleh saya tanyakan dari segi sebelum kementerian ketika itu KPT mengambil keputusan untuk menggunakan modul ini, adakah mana-mana benchmark diguna pakai, kita mengikut model negara lain. Contoh di Amerika Syarikat cause they are quite strict with regards to student visa and et-cetera. So, untuk Malaysia, what was the country or the model or do we develop it for our own purposes and needs.*

**Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *We used Australia as a benchmark. We sent our officers to be trained there looking at the system that they have. In fact, we are now looking at high risk countries that should we considering as well. Thank you.*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Dalam isu ini, saya hendak dapat kepastian seolah-olah kerja-kerja tadi disebut dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi. Sejauh mana peranan EMGS dalam perkara ini? Oleh sebab student itu berada di IPTS tetapi yang akan memantaunya Jabatan Pendidikan Tinggi. So, apa peranan EMGS dalam perkara ini?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Kita memantau dari segi apabila student itu datang untuk memperbaharui visa mereka dan juga untuk –seperti mana yang saya telah maklumkan, mereka kena mengemukakan attendance dan sebagainya.*

Akan tetapi saya ingin juga memaklumkan bahawa setiap IPTS itu mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan kepada polis sekiranya pelajar tersebut tidak datang ke kelas dalam tiga hari.

**Tuan Pengerusi:** Ada SOP mengenai arahan yang...

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya, ada. Memang dikeluarkan oleh JIM dan ianya dipersetujui bersama dengan KPM dan juga kita.

**Tuan Pengerusi:** Arahan itu ada tetapi sama ada dia ikut atau tidak. Jadinya serahkan kepada mereka?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya peranan daripada EMGS macam mana?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *We monitor the student life* dari segi visa dia sahajalah.

**Tuan Pengerusi:** *Monitoring* visa sahajalah.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Visa and because when they come to renew then we will know that they are compliant, they had attended and they got CGPA and so forth.* Selain daripada itu, *is quite difficult for us to monitor because we don't have authority to enforce any law.*

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu penting ada dalam *board* itu wakil daripada Imigresen. Semua perbincangan harus dibincangkan di dalam *board*. Jadinya *monitoring* boleh ada.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Memang selama ini ada Tuan Pengerusi sehingga Disember 2018. Datuk Seri Mus.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya satu soalan mungkin lain sedikit. Kita dapat maklum bahawa EMGS telah *outsource* dia punya peranan ini ataupun *obligation* kepada satu *company by the name of Scicom (MSC) Berhad*. So, boleh Encik Shahinuddin *explain* mengenai *this*.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I think the new management has lodged a complaint about that and we have done an internal investigation. We have submitted the investigation to the ministry. I think Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan supaya ianya dikemukakan kepada SPRM untuk melihat sama ada terdapat sebarang salah laku di dalam kontrak tersebut ataupun pemberian kontrak tersebut.*

*But that's where we are for that action has been taken by the new management. We felt that the contract was a bit, not a bit is a way in favorable of the service provider rather than the EMGS. Therefore, kita ini on the losing end in the sense that in term of revenue punya division we are getting so much less than the service provider.*

**Tuan Wong Kah Woh:** Encik Shahinuddin, *on Scicom* ini boleh tak Encik Shahinuddin jelaskan kepada PAC apakah – *what is their role and how...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *They just provide the system. System that processes and has got linked to the Immigration system. That's it.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *That's it.*

**Seorang Ahli:** *Only provider.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Provider. That's right.*

**Tuan Pengerusi:** Data-data itu siapa pegang?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Data-data itu actually i.e on the board and one of the things I told them was to make sure that data belongs to us. It is our data but for some strange reason they are declining our request to have the data audited. So, we have actually filed a sue against them compelling them to give us right to audit that data because we need to verify the integrity of the data. Now, this is something that Jabatan Audit did not pick up and I already told them to do it you know, that they should be coming in to help us.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Boleh saya tanya dari segi perjanjian asal Tuan Pengerusi. Perjanjian asal dengan data *provider* Scicom itu sudah diletakkan bahawa milikan data memang dalam EMGS ataupun *that's quite vague*?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Macam mana?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *The stated*, maksudnya dalam perjanjian asal, kontrak asal dengan Scicom, adakah diletakkan dengan jelas *as far as your own knowledge* bahawa data *will reside* dan dimiliki sepenuhnya oleh EMGS.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Will be*, memang kepunyaan sepenuhnya EMGS.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *So it does stipulated in the contract?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes. I make sure of that. But, for some strange— [Disampuk] No, they are blocking. The other thing is that, the other terms and conditions which – no, one the other things that I remember very clearly that I told them that to get a solicitor to advise EMGS on its position but strangely it was not done.*

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] To get what?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Solicitor.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Lawyer.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Lawyer. I am a lawyer but couldn't do it because I was already on the board so it will conflict.*

**Tuan Wong Chen:** Encik Shahinuddin, *can I just try to understand very clearly what Scicom really does for you.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Nothing than provide the system.*

**Tuan Wong Chen:** *They just provide the software?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** *I mean okay. Say an Indonesia student applies. Right? So, he pays RM1,000 fee or whatever it is. Doesn't Scicom really do the key-in the data, manage the data and produce the report for you or they just provide you software that you run.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *We key in but they actually do the back-end of the service which involve the paper shuffling in terms the original documents and so-forth.*

**Tuan Wong Chen:** *So, basically they provide you software? The cost of keying in, the cost of managing is to you all?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *That's right. This is the other sued the we are failing that they should be bearing all this cause.*

**Tuan Wong Chen:** *So, they making roughly RM13 million a year? Isn't it for providing software?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *That what it was claim. I really don't know.*

**Tuan Pengerusi:** Okey kalau hendak ...

■1130

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Encik Shah, sedikit lagi Dato' Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Berkaitan dengan tadi disebut soal keuntungan antara Scicom dengan EMGS. Kalau Encik Shah boleh terangkan lebih lanjut, maksudnya macam mana pembahagian.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *The revenue proportion is 65 – 35, 35 for EMGS, 65 for Scicom and that is why we find it was unfair.*

**Seorang Ahli:** *How long the period?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *For 20 years with options only to them which I again find it very odd.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *May I ask who was the CEO and the board, the names consisting of the board members when the deal was struck. Could we get the access to that?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Of EMGS mean? I was on the board.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Yes. The Scicom of course, who was the CEO then to approve this deal.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya, of course we can give you that.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Ya, I think that's important because if you like us untuk bagi dokumentasi sebagai Jabatan Audit pun masuk maka dari segi sejarahnya kan siapa yang*

meluluskan dan siapa yang memegang jawatan-jawatan tertentu ketika itu penting juga. To *provide some depth and the context, thank you.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Thank you.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dan juga perjanjian tersebut kalau PAC boleh dapatkan salinan perjanjian.

**Tuan Pengerusi:** Nanti bagi semua maklumat-maklumat yang diminta oleh PAC kepada sekretariat.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Boleh.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Encik Shah, tadi Encik Shah kata *unfair* dia punya *portion percentage* itu kan, pembahagian tadi itu. Sejak bila Encik Shah katakan ia tidak, *unfair*. Adakah sejak semasa dalam mesyuarat *board* ataupun baru selepas Audit datang.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Tidak, pada mulanya pun semasa dalam mesyuarat *board* pun saya ada cakap tetapi ianya tidak dicatatkan. Misalnya saya telah sarankan pada *board* dengan begitu terang sekali supaya perjanjian ini, EMGS melantik seorang peguam untuk menjaga kepentingan EMGS tetapi tidak dilakukan. Mujur yang kepunyaan ataupun *propriety right of the data* yang selamat dikatakan dengan nyata kepunyaan EMGS, yang *advice* itu untuk dapatkan *lawyer* itu tidak diikuti.

**Tuan Pengerusi:** Nanti *contract, agreement and everything* semua bagi kepada PAC.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Insya-Allah* boleh.

**Tuan Wong Chen:** *No representation, no lawyer at all.*

